

✿ AMALAN BULAN SYA'BAN ✿



الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على سيدنا محمد، وعلى آله وصحبه
أجمعين، أما بعد،

Alhamdulillah, ini adalah beberapa amalan pada bulan Sya'ban bagi sesiapa yang ingin berjalan menuju akhirat. Bulan Sya'ban adalah salah satu bulan yang sangat istimewa kerana ia adalah bulan kebaikan (*al-Khair*) dan keberkatan (*al-Barakah*). Penduduk langit mengenalinya dengan *Syahr an-Nabi* ﷺ (Bulan Nabi Muhammad ﷺ) kerana Allah ﷺ memuliakan dan mengagungkan Baginda ﷺ dengan beberapa mukjizat dan kurniaan pada bulan ini. Kemuliaan Sya'ban juga terletak pada malam ke 15 nya (malam *Nisfu Sya'ban*). Hati-hati yang ingin berjalan kepada Allah ﷺ, pasti tidak akan melepaskan peluang meraih keberkatan bulan ini dengan amal *ubudiyyah* kepadaNya.

وَاللَّهُ أَسْأَلُ أَنْ يَجْعَلَهُ خَالِصًا لِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَأَنْ يَتَقَبَّلَهُ بِفَضْلِهِ الْعَمِيمِ، بِجَاهِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ، إِنَّهُ عَلَى مَا يَشاءُ قَدِيرٌ، وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.



Malam 1 Sya'ban

Solat sunat *Mutlaq*

Mendirikan solat sunat *Mutlaq* sebanyak 12 rakaat dengan 6 salam. Setiap rakaat, selepas membaca Surah Al-Fatiyah, baca Surah Al-Ikhlas 5 kali. Semoga dengannya diampun dosa oleh Allah ﷺ.

Baca Surah Ad-Dukhan, ayat 1-8 sebanyak 15 kali

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١ حَمٰٰ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ٢ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ فِيهَا

٣ يُقْرَأُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ٤ أَمْرًا مِّنْ عِنْدِنَا إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ٥ رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

٦ الْعَلِيمُ ٧ رَبِّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْكِمُ

٨ وَيُمِيتُ رَبِّكُمْ وَرَبُّ أَبَائِكُمُ الْأَوَّلِينَ

(Al-Allamah Asy-Syarji telah menyebutkan di dalam *Fawa'idnya* bahawa barang siapa membaca awal Surah Ad-Dukhan sehingga firman Allah ﷺ: "... *Al-Awwalin*", pada awal malam bulan Sya'ban sebanyak 15 kali sehingga malam ke 15 (malam *Nisfu Sya'ban*), kemudian membaca 30 kali (pada malam *Nisfu Sya'ban* itu), kemudian berzikir, berselawat dan berdoa apa yang dihajatinya, *InsyaAllah* akan cepat diperkenankan hajatnya oleh Allah ﷺ. (Lihat *Tuhfah al-Awthon wa al-Ikhwan*, Al-Arif billah, Syaikh Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Linggi, ms. 82)

Puasa

Hendaklah memperbanyak puasa pada bulan mulia ini. Rasulullah ﷺ berpuasa penuh pada bulan Sya'ban. Perbanyakkan solawat dan zikir ketika hendak berbuka puasa. Boleh juga berpuasa 3 hari awal, 3 hari pertengahan dan 3 hari akhir bulan Sya'ban. Berpuasalah puasa sunat hari Isnin dan Khamis sepanjang minggu. Berpuasa pada siang hari bagi malam *Nisfu Sya'ban* (iaitu esok harinya, 15 haribulan). Jika tidak berupaya, berpuasa pada mana-mana hari yang disukai. Harus diingatkan puasa pada hari Jumaat hendaklah digembarkan dengan puasa sehari sebelumnya (Khamis) atau sehari selepasnya (Sabtu). Puasa hanya pada hari Jumaat hukumnya makruh.

✿ Bacaan setiap hari dan malam

✿ Banyakkan membaca di sepanjang Sya'ban

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا تَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينُ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

“Tiada Tuhan melainkan Allah dan tidaklah kami beribadah kecuali kepadaNya. Kami mengikhaskan diri dalam agama, walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.”

✿ Istighfar dibaca 70 kali atau 100 kali pagi dan petang

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ.

“Aku memohon keampunan kepada Allah Yang Maha Agung dan aku bertaubat kepadaNya.”

✿ Membaca tasbih 100 kali setiap hari

سُبْحَانَ رَبِّيِّ الْأَعْلَىِ.

“Maha Suci Tuuhanku Yang Maha Tinggi.”

✿ Membaca tasbih 100 kali setiap hari

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ.

“Maha Suci Allah dan dengan segala kepujianNya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung.”

✿ Membaca tasbih, tahmid, tahlil, takbir dan hauqalah 100 kali setiap hari

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Maha Suci Allah dan segala kepujian bagi Allah dan tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar (Agung), tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Agung.”

✿ Membaca solawat 10 kali atau 100 kali pagi dan petang

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

“Ya Allah, berselawatlah ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad dan ke atas keluarga penghulu kami, Nabi Muhammad.”

Bacalah solawat sebanyak-banyaknya kerana ayat yang berkaitan perintah bersolawat ke atas Nabi ﷺ kepada ummat diturunkan pada bulan ini.

❖ Membaca takbir 100 kali selepas solat Subuh dan 100 kali selepas solat Asar

الله أَكْبَرُ.

“Allah Maha Besar (Agung).”

❖ Membaca Zikrullah 10 kali setiap hari

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ قَبْلَ كُلِّ أَحَدٍ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ بَعْدَ كُلِّ أَحَدٍ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَقْنَى رَبُّنَا وَيَفْنَى كُلِّ أَحَدٍ.

“Tiada Tuhan melainkan Allah sebelum adanya setiap sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah setelah luput setiap sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah, kekal Tuhan kami dan binasalah setiap sesuatu.”

❖ Amalan umum setiap hari dan malam

Banyakkan solat-solat sunat; *Rawatib* dan *Nawafil*, membaca Al-Qur'an, berzikir, bertasbih, berselawat, beristigfar untuk diri sendiri, keluarga dan seluruh umat Nabi Muhammad ﷺ. Adalah sangat baik sekali berusaha menghatam sebanyak mungkin zikir, *aurad*, *hizh*, *ratib*, doa yang terdapat di dalam kitab-kitab amalan para *Auliya'* dan *masyaikh*. Setiap amalan para *Auliya'* ini mengandungi *sir* (rahsia). Jika ditakdirkan tidak sempat membaca amalan-amalan *aurad* atau *hizb* atau *ratib* yang lain, usahakan untuk tidak meninggalkan membaca **Ratib Al-Haddad** (Ratibul Haddad) susunan *Quthb al-Irsyad wa Ghauth al-'Ibad wa al-Bilad*, Al-Imam al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad kerana *sir* yang ada pada *ratib-ratib* lain, ada pada *ratib* ini, mengikut para *masyaikh* yang *muhaqqiqin*.

✿ Amalan malam *Nisfu Sya'ban* (malam ke 15)

Malam ini mempunyai beberapa nama lain termasuklah *Lailah al-Mubarakah* (malam yang berkat), *Lailah at-Takfir* (malam penghapusan dosa), *Lailah al-Ijabah* (malam diperkenankan doa), *Lailah al-Hayah* (malam hidup iaitu hati dihidupkan Allah ﷺ agar tidak lupa kepadaNya) dan lain-lain yang merujuk kepada kemuliaan dan fadhilat yang ada pada malam tersebut.

Justeru, hendaklah kita berusaha menghidupkan malam ini dengan amal ibadat sebanyak-banyaknya. Tidak mengapa menghidupkan amalan secara berjemaah di masjid atau di rumah. Melakukan sesuatu ibadah secara berjemaah lebih memberi semangat kekuatan beramal, asalkan terhindar dari perasaan *riya'*. Boleh juga melakukannya secara berseorangan.

Seperti yang disebutkan oleh Imam Abdul Ghani bin Ismail an-Nablusi dalam kitabnya *Fadha'il al-Ayyam wa asy-Syu'hur*, ms. 38, antara amalan para solehin pada malam ini, selepas solat fardhu Maghrib dan sunat *ba'diahnya*, dibaca Surah Yaasin 3 kali. Pada bacaan yang pertama diniatkan memohon dipanjangkan umur dalam kesihatan yang baik agar dapat beribadat mentaati Allah ﷺ. Pada bacaan kedua, diniatkan memohon diluaskan rezeki yang halal dan diberkati dan pada bacaan ketiga, diniatkan memohon ditetapkan iman dan mati dalam iman (*husnul khatimah*). Setiap kali selepas membaca sekali Surah Yaasin, maka bacalah doa di bawah:

✿ Doa yang *ma'thur* lagi masyhur

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْمَنْ وَلَا يُمْنَ عَلَيْهِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا ذَا الطَّوْلِ وَالْإِنْعَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، ظَاهِرُ الْلَاجِينَ، وَجَارُ الْمُسْتَجِيرِينَ، وَمَأْمَنُ الْخَائِفِينَ. اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ كَتَبْتَنِي عِنْدَكَ شَقِيًّا أَوْ مَحْرُومًا أَوْ مَطْرُودًا أَوْ مُقْتَرَأً عَلَيَّ فِي الرِّزْقِ، فَامْحُ اللَّهُمَّ بِفَضْلِكَ شَقَاوَتِي وَحِرْمَانِي وَطَرْدِي وَإِقْتَارِ رِزْقِي، وَأَثْبِتْنِي عِنْدَكَ فِي أُمُّ الْكِتَابِ سَعِيدًا مَرْزُوقًا مُوفَّقًا لِلْخَيْرَاتِ، فَإِنَّكَ قُلْتَ وَقَوْلُكَ الْحَقُّ فِي كِتَابِكَ الْمُنْزَلِ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكَ الْمُرْسَلِ: ((يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ))¹. إِلَهِي،

¹ Doa ini *ma'thur* dan masyhur. Dari pada Ibn Mas'ud berkata:

مَا دَعَا عَبْدٌ قَطُّ بِهَذِهِ الدَّعَوَاتِ إِلَّا وُسِّعَ عَلَيْهِ فِي مَعِيشَتِهِ.

"Tidaklah seseorang hamba yang berdoa dengan doa ini, melainkan akan diluaskan kehidupannya."

بِالْتَّجَلِي الْأَعْظَمِ فِي لَيْلَةِ النُّصْفِ مِنْ شَهْرِ شَعْبَانَ الْمُكَرَّمِ، الَّتِي يُفْرَقُ فِيهَا كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ وَيُبَرَّمُ، نَسَأْلُكَ أَنْ تَكْشِفَ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ، مَا نَعْلَمُ وَمَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

"Ya Allah, Tuhan Yang Memiliki Kurniaan, dan tidaklah Dia yang dikurniakan kepadaNya. Wahai Tuhan Yang Memiliki Kebesaran dan Kemuliaan, Wahai Tuhan Yang Mempunyai Kekuatan dan Nikmat, tiada Tuhan melainkan Engkau, yang telah menzahirkan pertolongan bagi orang yang datang berlari kepadaNya, yang member perlindungan kepada orang-orang yang memohon perlindunganNya dan memberi keamanan bagi orang berada dalam ketakutan. Ya Allah, sekiranya Engkau telah menulis bagiku di sisiMu di dalam Ibu Segala Catitan sebagai seorang yang celaka, atau orang yang diharamkan atau dihalau atau dikurangkan rezeki ke atasku, maka hapuskanlah ia dengan kurniaanMu, Ya Allah, akan kecelakaanku, keharamanku dan kesempitan rezekiku. Tetapkanlah aku di dalam Ibu Segala Catitan itu menjadi seorang yang bahagia, beroleh rezeki dan beroleh taufiq untuk segala kebajikan kerana Engkau telah berfirman dan perkataanMu adalah yang paling benar di dalam Kitab (Al-Qur'an) yang telah Engkau turunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ iaitu firmanMu (maphumnya): "Allah boleh menghapuskan apa-apa yang disukaiNya dan pada sisinya Ummul Kitab (Ibu Segala Catitan)." Ya Tuhanku, dengan pandangan rahmatMu Yang Maha Besar pada malam Nisfu Sya'ban yang mulia ini, yang padanya ditetapkan segala urusan yang penting, kami bermohon agar diangkatkan daripada kami segala bala, baik yang kami ketahui atau yang tidak kami ketahui dan Engkaulah yang lebih mengetahuinya kerana sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Mulia. Semoga Allah sentiasa mencurahkan rahmatNya kepada Nabi Muhammad, keluarga Baginda dan seluruh para sahabatnya."

❖ Doa Syaikh Abdul Qadir al-Jilani

اللَّهُمَّ إِذَا أَطْلَعْتَ لَيْلَةً النُّصْفَ مِنْ شَعْبَانَ عَلَى خَالِقِكَ، فَعُدْ عَلَيْنَا بِمَنْكَ وَعِنْقِكَ، وَقَدْرُ لَنَا مِنْ فَضْلِكَ، وَاسْعِ رِزْقَكَ، وَاجْعُلْنَا مِمَّنْ يَقُومُ لَكَ فِيهَا بِعَضُّ حَقِّكَ. اللَّهُمَّ مَنْ قَضَيْتَ فِيهَا بِوَفَاتِهِ، فَاقْضِ مَعَ ذَلِكَ لَهُ رَحْمَتَكَ، وَمَنْ قَضَيْتَ طُولَ حَيَاةِهِ، فَاجْعُلْ لَهُ مَعَ ذَلِكَ نِعْمَتَكَ، وَبَلَّغْنَا مَا لَا تَبْلُغُ الْأَمَالُ إِلَيْهِ، يَا خَيْرَ مَنْ وَقَاتَ الْأَقْدَامُ بَيْنَ يَدَيْهِ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam *Al-Mushannaf al-Hasith wa al-Athar*, 7/85 dan Ibn Abi Dunya dalam *Ad-Du'a* dan juga dari riwayat Ibn Umar. Doa dari "Ilahi bit tajalli..." sampai akhir adalah tambahan oleh Syaikh Ma' al-Ainain dalam *Na't al-Bidayat*. (Lihat *Doa Malam Nisfu Sya'aban*, ms. 41-42)

"Ya Allah, apabila Engkau telah mendatangkan malam Nisfu Sya'ban kepada makhlukMu, maka curahkanlah kepada kami kurniaan dan pembebasanMu (dari api neraka), dan pilihkanlah kami sebagai orang-orang yang mendapatkan kurniaanMu, kelimpahan rezekiMu, serta jadikanlah kami sebagai orang-orang yang melaksanakan di antara hakMu. Ya Allah, sesiapapun yang Engkau tetapkan untuk meninggal dunia pada malam Nisfu Sya'ban ini, maka tetapkanlah bersamanya kasih sayangMu, dan sesiapapun yang Engkau tetapkan pada malam Nisfu Sya'ban ini panjang umur, maka tetapkanlah bersamanya curahan nikmatMu, serta sampaikan kami kepada sesuatu yang tidak dapat diraih oleh cita-cita dan keinginan, Ya Allah Tuhan Sebaik-baik Pemberi orang-orang yang memohon, Ya Allah Tuhan Pemelihara alam semesta, hanya kerana kasih sayangMu (doa dan harapan terpenuhi) Ya Allah, Tuhan Sebaik-baik Pemberi Rahmat. Semoga Allah sentiasa mencerahkan rahmatNya kepada Nabi Muhammad, keluarga Baginda dan seluruh para sahabatnya."

❖ Doa Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad

(sama sahaja dengan doa selepas membaca Surah Yaasin 3 kali di atas dimulakan dengan: "Allaahumma yaa Zal manni wa alaa yumannu 'alaih....(sehingga)....maa na'lam wa maa laa na'lam.")

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْمَنْ وَلَا يُمْنُ عَلَيْهِ... مَا نَعْلَمُ وَمَا لَا نَعْلَمُ.

Kemudian disambung:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ أَعْظَمِ عِبَادِكَ حَظًّا وَنَصِيبًا فِي كُلِّ شَيْءٍ قَسَمْتُهُ فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ مِنْ نُورٍ تَهْدِي بِهِ، أَوْ رَحْمَةٍ تَنْشُرُهَا، أَوْ رِزْقٍ تَبْسُطُهُ، أَوْ فَضْلٍ تُنَقِّسُهُ عَلَى عِبَادِكَ الْمُؤْمِنِينَ، يَا اللَّهُ، يَا اللَّهُ، يَا اللَّهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ. اللَّهُمَّ هَبْ لِي قَلْبًا تَقِيًّا نَقِيًّا مِنَ الشَّرِّكِ، بَرِيًّا لَا كَافِرًا وَلَا شَقِيقًا، وَقَلْبًا سَلِيمًا حَاسِبًا صَارِعًا، اللَّهُمَّ امْلأْ قَلْبِي بِنُورِكَ وَأَنُوَارِ مُشَاهِدَتِكَ، وَجَمَالَكَ وَكَمَالَكَ وَمَحْبَبِتِكَ، وَعِصْمَتِكَ وَقُدْرَتِكَ وَعِلْمِكَ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلِّ اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

"Ya Allah, Tuhan Yang Memiliki Kurniaan..... baik yang kami ketahui atau yang tidak kami ketahui..."

"Ya Allah, jadikanlah aku dari semulia-mulia hambaMu yang mendapat tuah dan bahagian pada setiap sesuatu yang telah Engkau bahagikan pada malam ini daripada cahaya yang dengannya Engkau memberikan petunjuk atau rahmat yang Engkau sebarkan atau rezeki yang Engkau hamparkan ataupun kurniaan yang Engkau bahagikan ke atas hamba-hambaMu yang beriman. Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah, Tiada Tuhan melainkan Engkau. Ya Allah, kurniakanlah kepadaku hati yang bertaqwa, suci dan bersih dari kesyirikan, kekufuran dan kecelakaan. Kurniakanlah kepadaku hati yang sejahtera, khusyu' dan merendahkan diri kepadaMu. Ya Allah, penuhilah hatiku dengan cahayaMu, cahaya-

cahaya penyaksianMu, kecantikanMu, kesempurnaanMu, kasih kepadaMu, penjagaanMu, kekuasaanMu dan ilmuMu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani. Semoga Allah sentiasa mencerahkan rahmatNya kepada Nabi Muhammad, keluarga Baginda dan seluruh para sahabatnya.”

◎ Sebaik-baiknya baca doa ini 10 kali

إِلَهِي، جُودُكَ دَلَّنِي عَلَيْكَ، وَإِحْسَانُكَ قَرَبَنِي إِلَيْكَ، أَشْكُو إِلَيْكَ مَا لَا يَخْفَى
عَلَيْكَ، وَأَسْأَلُكَ مَا لَا يَعْسُرُ عَلَيْكَ، إِذْ عِلْمُكَ بِحَالِي يَكْفِي عَنْ سُؤَالِي، يَا مُفَرِّجَ
كَرْبِ الْمَكْرُوبِينَ، فَرْجٌ عَنِّي مَا أَنَا فِيهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ
الظَّالِمِينَ ((فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْغَمٍّ وَكَذِلِكَ نُنجِي الْمُؤْمِنِينَ)). أَللَّهُمَّ يَا ذَا
الْمَنْ وَلَا يَمْنُ عَلَيْهِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.... إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ. وَصَلَّى
اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ.

“Tuhanku, kemurahanMu telah menunjukkan aku kepadaMu, kebaikanMu telah mendekatkan aku kepadaMu, aku mengadu kepadaMu perkara yang tidak tersembunyi lagi pada pengetahuanMu dan aku memohon kepadaMu perkara yang tidak susah padaMu, kerana ilmuMu tentang keadaanku telah mencukupi daripada permohonanku. Wahai Tuhan Yang Menghapuskan bebanan orang-orang yang kesusahan, hapuskanlah daripadaku semua yang aku hadapi, sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau. (Ya Allah), Maha Suci Engkau (daripada melakukan aninya, tolonglah daku), sesungguhnya aku adalah dari kalangan orang-orang yang menganiyai diri sendiri, (dengan berkat dan benarnya firmanMu): “Maka Kami perkenankan permohonan doanya (Nabi Yunus) dan Kami selamatkannya dari kesusahan yang menyelubunginya, dan sebagaimana Kami menyelamatkannya, Kami akan selamatkan orang-orang yang beriman (ketika mereka merayu kepada kami).” Ya Allah, Tuhan Yang Memiliki Kurniaan.....sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Mulia. Semoga Allah sentiasa mencerahkan rahmatNya kepada Nabi Muhammad, keluarga Baginda dan seluruh para sahabatnya.”

Pada malam ini, sangat baik memperbanyakkan beristighfar (memohon keampunan) dan bertaubat dari dosa-dosa besar dan kecil serta meminta keampunan Allah ﷺ untuk ibu bapa dan keluarga kita.

❀ Sayyidul Istighfar (Penghulu Istighfar)

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا سُتْطِعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

"Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tidak ada Tuhan melainkan Engkau, Engkau telah menjadikan aku dan aku adalah hambaMu, Aku sentiasa berada dalam janjiMu dan ketetapanMu apa yang dalam kesanggupanku. Aku berlindung denganMu dari kejahanan yang aku lakukan. Aku mengaku padaMu nikmatMu atasku dan aku mengaku kepadaMu akan dosa-dosaku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada apa yang akan mengampun dosa melainkan Engkau juga."

❀ Doa memohon keampunan untuk kedua orang tua

رَبِّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

"Ya Tuhanku, ampunilah dosaku dan dosa kedua ibu bapaku dan rahmatilah keduanya sebagai mana keduanya merahmatiku di waktu kecil."

❀ Doa Nabi Adam ﷺ

اللَّهُمَّ إِنِّي تَعْلَمُ سَرِيرَتِي وَعَلَانِيَتِي فَاقْبِلْ مَعْذِرَتِي، وَتَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي وَمَا عِنْدِي فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي، وَتَعْلَمُ حَاجَتِي فَاعْطِنِي سُؤْالِي، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِعَانَةً يُبَاشِرُ قَلْبِي، وَيَقِينًا صَادِقًا، حَتَّى أَعْلَمَ أَنَّهُ لَا يُصِيبُنِي إِلَّا مَا كَتَبْتَهُ عَلَيَّ، وَالرِّضَا بِمَا قَضَيْتَ عَلَيَّ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang tersembunyi dan apa yang terzahir daripadaku, maka terimalah permohonan maafku, dan Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan di sisiku, maka ampunkanlah dosa-dosaku, dan Engkau mengetahui hajatku, maka perkenankanlah permintaanku. Ya Allah, sesungguhnya aku bermohon kepadaMu iman yang mengembirakan hatiku, keyakinan yang benar, sehingga aku tahu bahawa apa sahaja musibah yang menimpaku, itu tidak lain melainkan apa yang telah Engkau taqdirkan ke atasku dan kurniakanlah aku redha dengan apa yang telah Engkau putuskan ke atasku, wahai Tuhan Yang Mempunyai keagungan dan kemuliaan."

(Imam Al-Azraqi meriwayatkan dengan sanadnya, bahawa ketika diturunkan dari syurga, Nabi Adam ﷺ telah melakukan tawaf 7 kali di sekeliling Ka'bah. Baginda ﷺ kemudiannya bersolat 2 rakaat

mengadap Ka'bah. Selepas itu, Baginda ﷺ pergi ke Multazam dan berdoa dengan doa ini. Lalu Allah ﷺ mewahyukan kepada Nabi Adam ﷺ: "Wahai Adam, sesungguhnya engkau telah berdoa kepadaKu dengan doa-doa dan Aku telah memperkenankannya. Tidaklah berdoa seseorang dari kalangan anak cucumu dengannya, melainkan Aku hapuskan keresahan dan kesusahannya. Aku tahan daripadanya barangnya yang hilang. Aku cabutkan kefaqiran dari hatinya. Aku jadikan kekayaan di antara dua matanya. Aku kurniakan kepadanya keuntungan setiap orang yang berniaga dan datang dunia kepadanya dalam keadaan terpaksa, sekalipun dia tidak mahu kepada dunia tersebut." Rujuk *Tarikh Makkah*, Abu Walid al-Azraqi, 2/370 dan *Fi Rihab al-Bait al-Haram*, Al-Muhaddith Sayyid Muhammad ibn Alawi al-Maliki, ms. 52. Sayyid Muhammad al-Maliki mengatakan: "*Sanad hadith ini baik.*")

❖ Al-Allamah Sayyid Al-Winna'i berkata bahawa antara doa yang *afdhil* dibaca pada malam *Nisfu Sya'ban* ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي عَفْوٌ كَرِيمٌ ثُبِّحُ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ
الدَّائِمَةَ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mulia yang suka kepada keampunan, maka ampunilah dosaku. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu keampunan, kefaian dan kesejahteraan yang berterusan di dalam agama, dunia dan akhirat."

❖ Solat khusus pada malam *Nisfu Sya'ban*

Ulama' *khilaf* tentangnya. *Hujjatul Islam*, Imam Al-Ghazzali (505H) adalah antara ulama' yang membolehkannya. Beliau menulis di dalam *Ihya' Ulumid Din*, 1/209-210, bahawa solat pada malam *Nisfu Sya'ban* 100 rakaat. Setiap dua rakaat, salam. Pada setiap rakaat dibaca Surah Al-Ikhlas 11 kali selepas Al-Fatiyah. Boleh juga solat dengan 10 rakaat, tetapi bacaan Surah Al-Ikhlas ialah 100 kali. Beliau mengatakan solat cara ini ada dilakukan oleh ulama' *Salaf* dan mereka menamakannya dengan *Solat al-Khair* (solat yang mempunyai banyak kebaikan). Kadang-kadang mereka mendirikan solat ini secara berjemaah.

(Cara solat seperti ini juga dicatat oleh Syaikh Muhammad Husein bin Abdul Lathif al-Fathani (lebih dikenali dengan Tok Kelaba Beris al-Fathani, di dalam kitabnya *Hada'qush Sholawat*, muka surat 1056 seperti yang dinukulkan oleh Syaikhuna, Al-Mu'arrikh Syaikh Wan Muhammad Saghir dalam risalahnya *Amalan Pelbagai Shalat Sunat: Amalan Bulan Rejab dan Sya'ban* (Bahagian Ketiga), muka surat 18-19).

Haruslah difahami bahawa mengerjakan solat sunat *Muthlaq* atau solat sunat *Awwabin*, boleh dilakukan pada mana-mana malam sekalipun, termasuklah malam *Nisfu Sya'ban*.

Berkenaan dengan *qiamullail* dengan mengerjakan solat-solat sunat terutamanya solat Sunat *Tasbih*, adalah sangat digalakkan oleh Syara', bukan hanya pada malam *Nisfu Sya'ban* ini, bahkan pada tiap-tiap malam.

✿ **Bacaan ketika sujud dalam solat malam (terutamanya solat *Tahajjud*) semasa *qiayamullail* (juga pada malam lain di bulan Sya'ban)**

أَعُوذُ بِعَفْوِكَ مِنْ عِقَابِكَ، وَأَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخْطِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ إِلَيْكَ، لَا
أُحْصِي شَاءَ عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.

"Aku berlindung dengan keampunanMu dari balasan siksaMu dan aku berlindung dengan keredhaanMu dari kemurkaanMu dan aku berlindung denganMu (dari kejahanan yang datang) dariMu kepadaMu. Tidaklah mampu aku memujiMu seperti mana Engkau memuji Zatmu sendiri."

Rujukan:

- 1) **Amalan Pelbagai Shalat Sunat: Amalan Bulan Rejab dan Sya'ban** (Bahagian Ketiga), Syaikh Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 1425H/2004M, ms. 18-19.
- 2) **Bada'i az-Zuhur (Segugus Bunga Nan Indah)**, Al-Alim al-Allamah az-Zaki, Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, dikumpul oleh Syaikh Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 1997M, Jilid Kedua, ms. 67-71.
- 3) **Doa Malam Nisfu Sya'aban**, Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani, terjemahan Al-Musnid Syaikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin al-Maliki, Negeri Sembilan: Sofa Production, Cetakan Kedua, 1429H/2008M, ms. 21-78.
- 4) **Fazilat Bulan Rejab Sya'ban Ramadzan**, Budiman Radzi, Alor Setar, tanpa penerbit, 1408H/ 1988M, ms. 16-21
- 5) **Himpunan Doa dan Wirid Istimewa**, Dr. Muhamed Hussein, Jakarta: Pustaka Dundia Pustaka Jaya, Cetakan Ketujuh 1982, ms. 55-59.
- 6) **Majmu'ah Musammah bi Tuqhah al-Awthon wa al-Ikhwan fi Zikr Badh al-Azkar wa al-Awrad wa al-Ad'iyah allati tata'allaqu bi al-Awqat wa al-Azman** (Jawi), Al-Arif billah, Syaikh Ahmad bin Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi al-Malayuwi, Cetakan Kedua dengan kebenaran Kerajaan Negeri Sembilan (N.S.1135/49), ms. 77-82.

Catatan:

Barangkali ada juga pendapat yang tidak bersetuju dengan amalan-amalan ini, juga dengan kelebihan malam *Nisfu Sya'ban* itu sendiri, sehingga melabelkan ia sebagai *Bid'ah Dhalalah*, khurafat dan sebagainya. Bertenanglah.... Nilailah sesuatu *qadhiyah* (isu) dengan neraca ilmu yang *tahqiq* (benar), melalui *irsyadat* (panduan) daripada para *masyaikh* yang bersanad. Luaskanlah *iththila'* (pembacaan) agar bertemu kebenaran. Disebutkan:

مَنْ كُثِرَ اطْلَاعُهُ، قَلَّ اعْتِرَاضُهُ.

"Sesiapa yang banyak membaca, maka sedikitlah bangkangannya."

Sesungguhnya *A'imma al-Huda* (para imam yang menunjuki ummat ke arah kebenaran) dan para ulama' muktabar telah menjawabnya dengan jawapan yang lengkap dan *muqni'* (puas hati) dalam kitab dan risalah karangan mereka yang penuh keberkatan. Semoga kita mendapat manfaat dari mereka dan ilmu mereka, *Amin...*

Al-Faqir telah menulis pendapat-pendapat mereka di dalam buku *Al-Faqir, Persoalan Khilafiyah & Penjelasan Ulama'*, di bawah tajuk "*Kelebihan malam Nisfu Sya'ban*", ms. 731-738. *InsyaAllah*, tulisan *Al-Faqir* tentang perkara ini juga akan dimuatkan dalam **Majalah Q&A** (terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd), Bil. 8, di bawah kolumn **Paradigm** dengan tajuk: "*Meraih Fadhilat Malam Nisfu Sya'ban*" dan **Suluhan Ibadah** dengan tajuk: "*Golongan Salaf Menghidupkan Malam Nisfu Sya'ban*".

Beramallah mengikut kemampuan masing-masing. Jika tidak berupaya mengamalkan kesemuanya, ikutlah panduan kaedah Ushul:

مَا لَا يُدْرِكُ كُلُّهُ، لَا يُتَكَبَّ كُلُّهُ.

"Apa-apa yang tidak dapat dibuat semua, jangan ditinggalkan semua."

* dipersilakan untuk disebarluaskan dengan niat memanjangkan amalan dan menta'mimkan manfaat dengan menyebut sumber rujukan demi keberkatan ilmu. Bacalah dahulu Surah Al-Fatihah sekali untuk Rasulullah ﷺ dan *ahli baitih*, para sahabat, tabi'in dan tabi'in, kepada seluruh *Auliya'illah*, para ulama', fuqaha' dan muhaddithin, juga kepada semua pengarang kitab yang *Al-Faqir* jadikan sebagai sumber ambilan dan rujukan dalam menyusun amalan ini, *wa bil khushush* kepada para *masyaikh* yang mengajar ilmu dan amalan kepada kita.... *syai'un lillaahi lahumul Faatihah, AL-FATIHAH*.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ الْمَرْجَعُ وَالْمَآبُ.

Disusun oleh:

Yang hina dan berdosa yang mengharapkan keampunan Allah ﷺ Yang Mulia

Muhadir bin Haji Joll

4.30 pagi, 2 Sya'ban 1433H/ 24 Jun 2012M.